

Insentif bagi kekalkan pekerja pembersihan

Oleh **AZHAR MOHD**

azahar@sph.com.sg

BAGI menarik dan mengekalkan pekerja pembersihan setempat, Majlis Bandaran Pasir Ris-Punggol kini menawarkan satu insentif menarik.

Selain menawarkan sistem kerja lebih fleksibel, Skim Insentif Pekerja Setempat itu juga menawarkan habuan berupa wang tunai bagi pekerja setempat yang bukan sahaja mempamerkan kelakonan kerja yang baik, malah turut memaparkan kemahiran sosial yang boleh dicontohi, seperti berbudi bahasa dan sedia membantu.

Pengerusi Majlis Bandaran yang juga Anggota Parlimen (AP) GRC Pasir Ris-Punggol, Dr Ahmad Mohd Magad, berkata majlis bandaran mempunyai tanggungjawab berat memastikan estet-estet perumahan HDB bersih dan terjaga, di samping kesukaran menarik dan mengekalkan pekerja pembersihan setempat. Kadar pemberhentian yang tinggi ini menjejaskan operasi pembersihan harian estet.

Beliau berkata demikian sewaktu sambutan Hari GRC Pasir Ris-Punggol di tanah lapang bersebelahan Hab Masyarakat Sengkang, di Sengkang East Road, semalam.

Turut hadir dalam majlis itu ialah tetamu terhormat, Timbalan Perdana Menteri Teo Chee Hean, dan beberapa AP GRC Pasir Ris-Punggol.

Lebih 33 pekerja pembersihan semalam menerima antara \$100 (bagi pekerja sambilan) dan \$200 (pekerja sepenuh masa) di bawah skim insentif itu.

Dr Ahmad Magad berkata tugas memastikan estet-estet bersih tanggungjawab bersama – majlis bandaran dan pekerja pembersihan dan penduduk.

“Selain itu, gaya hidup yang mesra alam seperti mengurangkan pembaziran dan mengitar semula dapat menyumbang kepada usaha membangunkan sekitaran yang bersih dan mesra,” tambahnya.